

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

SOALAN : 8

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tujuan sebenar syarikat nombor ramalan, Da Ma Cai membiayai lawatan PDRM yang diketuai oleh Ketua Polis Negara ke Turki dan berapakah kos pembiayaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lawatan kerja yang dibuat oleh pihak PDRM ke Istanbul, Turki pada 8hb hingga 11hb Februari 2019 yang diketuai oleh Ketua Polis Negara bersama 12 orang lagi Pegawai Kanan Polis adalah lawatan rasmi yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri.

Lawatan kerja sambil belajar ini ditaja oleh Lembaga Totalisator Malaysia (LTM) yang merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan mengikut Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 yang diletakan di bawah seliaan Kementerian Kewangan Malaysia. PDRM mempunyai hubungan secara langsung dengan LTM yang berperanan untuk menasihati LTM tentang amalan terbaik (*best practices*) dalam menangani kegiatan bookie haram di kelab-kelab lumba kuda di Malaysia.

Setiap tahun bermula pada tahun 2012, LTM akan memperuntukan sejumlah bajet kepada PDRM untuk tujuan lawatan kerja atau membuat penyelidikan bagi penambahbaikan industri perlumbaan kuda seperti yang dihuraikan di bawah seksyen 4 Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961. Ahli Lembaga Pengarah LTM boleh meluluskan peruntukan tanpa perlu merujuk kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan.

SOALAN NO : 8

Lawatan kerja yang pernah diluluskan oleh LTM kepada PDRM seperti berikut :

- i) 12-17 Jun 2012 – Lawatan ke Hong Kong melibatkan 15 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan sejumlah RM 69,763.00;
- ii) 10-14 Jun 2013 – Lawatan Ke Australia melibatkan 10 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan sejumlah RM 95,040.00;
- iii) 1- 6 Mei 2014 - Lawatan Ke Turki, melibatkan 8 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan RM 128,400.00;
- iv) Pada 16 Mac 2017 - Ahli Lembaga Pengarah LTM telah meluluskan peruntukan RM 184,648.00, namun atas sebab kesibukan dan kekangan penugasan, PDRM terpaksa menunda lawatan pada tahun berkenaan dan hanya berkesempatan membuat lawatan pada 8-11 Februari 2019 baru-baru ini ke Turki melibatkan 13 orang Pegawai Kanan Polis yang diketuai oleh Ketua Polis Negara sendiri.

Menyentuh hasil dan menafaat yang diperolehi sepanjang lawatan tersebut, terdapat tiga (3) sesi lawatan telah diadakan bersama Pihak Berkuasa Turki, Antara lokasi lawatan kerja yang diadakan adalah seperti berikut :

- 1) Lawatan ke Ibu Pejabat Istanbul Provincial Police;
- 2) Lawatan ke Veliefendi Race Course; dan
- 3) Lawatan ke Bangunan Jockey Club of Turkey (TJK).

SOALAN NO : 8

Objektif lawatan yang diatur ke lokasi berkenaan kerana mempunyai kaitan dengan penugasan dalam negara seperti berikut:-

- i) Mengadakan perbincangan dua hala antara PDRM dan Pihak Berkuasa Turki mengenai kaedah pembanterasannya, dan menangani aktiviti pertaruhan haram secara “*on course*” atau “*off Course*” di kelab-kelab lumba kuda;
- ii) Mendalami isu-isu berkaitan pendakwaan dan pembuktian kes yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Turki dan kaedah yang digunakan bagi mengatasi masalah berkenaan;
- iii) Mengeratkan hubungan dua hala dan kerjasama dengan pihak berkuasa Negara Turki dalam menangani jenayah rentas sempadan dan isu-isu jenayah terkini; dan
- iv) Meningkatkan kualiti siasatan dengan mengambil pendekatan digunakan oleh negara luar dari segi penggubalan undang-undang baru dan penggunaan teknologi terkini selaras dengan peredaran masa.

Lawatan ini juga tidak menimbulkan sebarang konflik kepentingan (*Conflict of Interest*) memandangkan rangka kerja lawatan adalah untuk mencari pendekatan baru yang digunakan oleh negara luar sebagai penanda aras untuk diaplikasikan dalam negara bagi pembanterasannya pertaruhan haram di kelab lumba kuda. Di samping itu, lawatan ini adalah teratur dengan menggunakan peruntukan yang dibenarkan oleh undang-undang dan mengikut segala prosedur yang ditetapkan.